

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam memastikan anak-anak muda khususnya yang berumur 18 – 20 tahun ini benar-benar faham proses demokrasi di Malaysia dan diberikan pendidikan politik yang sewajarnya agar mereka lebih bersedia untuk mengundi dalam PRU yang akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) telah merangka dan melaksanakan program-program kenegaraan yang bertujuan untuk memupuk semangat patriotik di samping membina jati diri yang utuh di kalangan belia di negara ini termasuklah dalam memahami proses demokrasi dan pendidikan politik.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah **Program Rukun Negara@Belia (RNB)**.

Objektif utama program RNB adalah:

- i. Mewujudkan kesedaran belia tentang peranan, keterlibatan dan pengetahuan tentang kelayakan mengundi dari usia 18 tahun;

SOALAN NO : 13

- ii. Melahirkan golongan belia yang sedar dan memahami tentang konsep berkerajaan serta melibatkan diri secara langsung dalam soal demokrasi sesebuah negara;
- iii. Membantu belia meningkatkan jati diri untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab; dan
- iv. Meningkatkan nilai patriotik di kalangan belia.

Program RNB juga digarap selaras dengan bidang-bidang keutamaan belia yang digariskan di dalam Dasar Belia Malaysia (DBM) yang menyasarkan lapan (8) kumpulan sasaran belia iaitu belia bersekolah, belia pengajian tinggi, belia bekerjaya, belia berpersatuan, belia massa, belia Malaysia antarabangsa, belia minoriti dan golongan terpinggir.

Ia bagi memastikan ilmu kenegaraan dapat dipelajari dan difahami dengan lebih meluas oleh segenap lapisan belia di negara ini melalui kaedah interaktif, ringkas dan padat. Pengisian program meliputi penghayatan Prinsip Rukun Negara dan sistem pemerintahan negara berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan dan institusi-institusi sedia ada agar menghasilkan masyarakat yang bersatu padu dan cakna kepada susur galur pentadbiran negara.

Pengisian utama program ini adalah untuk membawa kesedaran dan menggerakkan golongan belia bagi menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi berikutan penurunan had umur mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun selain meningkatkan pengetahuan literasi politik. Sebanyak 114 program RNB dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2021. Sehingga **15 Oktober 2021**, sebanyak **94** program telah dilaksanakan melibatkan penyertaan seramai **57,771** orang secara dalam talian dan juga secara bersemuka.

Secara khususnya pelaksanaan program RNB akan menekankan kepada empat (4) matlamat berikut:

- (i) Meningkatkan **kesedaran** belia mengenai hak dan tanggungjawab sebagai warganegara dalam mencorakkan

SOALAN NO : 13

proses demokrasi negara berdasarkan kebijaksanaan dan kesedaran politik yang lebih matang.

- (ii) Meningkatkan **kefahaman** mengenai proses demokrasi dan sistem pilihanraya negara melalui pendidikan politik berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan dan institusi-institusi kenegaraan.
- (iii) Meningkatkan **kepercayaan** belia kepada kedaulatan sistem demokrasi di negara ini dan keyakinan terhadap pelaksanaan proses pilihanraya yang adil dan telus.
- (iv) Meningkatkan tahap **keterlibatan** dan pembudayaan belia dalam memupuk sosialisasi politik yang berlandaskan falsafah, nilai-nilai murni politik demi mengimbangi kesedaran dan kematangan politik ke arah masa hadapan negara yang lebih progresif.

Di samping itu juga melalui Program Malaysia Future Leaders Schools (MFLS) Tier 3 anjuran i-LEAD KBS, seramai 148 orang peserta telah didedahkan mengenai proses demokrasi serta pendidikan politik melalui Simulasi Persidangan Dewan Rakyat. Salah satu pengisian modul ini adalah Suara Belia di Parlimen dengan mewujudkan perwakilan dari pihak Kerajaan dan pihak pembangkang dalam pembentangan usul bertajuk “Undi 18 Mencorak Malaysia Baharu”.

Peserta yang mengambil bahagian tampak bersedia dan yakin dalam hujah-hujah mereka dalam sesi perbahasan. Program ini adalah dengan kerjasama Pejabat YDP Dewan Rakyat dan dilangsungkan secara atas talian. Penglibatan aktif peserta dalam simulasi ini memperlihatkan anak muda sudah berani menyuarakan pendapat melalui hujah-hujah mereka dan nampak bersedia untuk menjadi sebahagian daripada penggubal undang-undang pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.